

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Pendidikan Syariah Islamiah ini adalah kertas tunggal dan ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi tiga pilihan soalan dan bahagian B mengandungi lima pilihan soalan. Calon dikehendaki menjawab lima soalan sahaja daripada kedua-dua bahagian iaitu dua soalan daripada bahagian A dan tiga soalan daripada bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah selama 2 ½ jam (Dua Jam Tiga Puluh Minit). Setiap Soalan diperuntukkan 20 markah. Calon diwajibkan menjawab dengan menggunakan tulisan jawi. Semua item soalan merangkumi aspek kefahaman, pengetahuan, aplikasi dan analisis. Hampir enam puluh peratus soalan adalah dalam bentuk KBKK. Soalan adalah berbentuk subjektif dan dikemukakan mengikut aras yang telah ditetapkan oleh penggubal berdasarkan Jadual Penentuan Ujian (JPU) yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan kandungannya merangkumi sukatan pelajaran dan kurikulum tingkatan 4 dan 5.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara umumnya pencapaian calon dalam kertas ini adalah baik. Calon jelas mempunyai persediaan untuk menduduki kertas ini dan berkeyakinan untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Calon memahami kehendak soalan dengan baik dan menjawabnya dengan tepat, padat dan jelas, menyusun isi-isi dan fakta dengan teratur, sistematik dan kemas. Setiap huraian dikuatkan dengan fakta dan hujjah dengan nas Al-Quran dan Hadis. Calon juga memahami teknik menjawab dengan betul berdasarkan peraturan pemarkahan yang dikehendaki dan menguasai tajuk tertentu dengan baik seperti ayat dan hadis hukum, aqidah dan fekah.

Terdapat sebilangan calon yang tidak mempunyai persediaan yang mencukupi dan tiada keyakinan untuk menduduki kertas ini. Mereka tidak memahami kehendak soalan dan menjawab sambil lewa. Mereka kekurangan isi dan fakta yang tepat. Jawapan yang dikemukakan adalah salah, samar dan kerap kali berulang-ulang, penggunaan bahasa perbualan harian yang tidak sesuai dalam penulisan, huraian yang meleret-leret hingga sukar untuk mengenal pasti isi penting dan tidak menyemak kembali jawapan yang telah dibuat, sehinggakan ada soalan yang tertinggal. Di samping itu terdapat juga kesalahan dalam ejaan jawi yang ketara, tulisan jawi yang kurang baik dan tidak bersih dan susunan jawapan dan nombor soalan yang tidak mengikut urutan.

**PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon dalam Kumpulan Tertinggi**

Calon dapat menjawab soalan dengan tepat, kemas dan teratur mengikut peraturan pemarkahan. Jawapan calon jelas dan kadang-kadang dikuatkan dengan nas al-Quran dan Hadis. Calon didapati mempunyai persediaan yang baik dan menguasai kertas ini dengan baik.

### **Calon dalam Kumpulan Kedua Tertinggi**

Calon dapat menjawab soalan yang dikemukakan dengan baik. Mereka menguasai tajuk tertentu dengan baik tetapi lemah dalam tajuk yang lain. Terdapat jawapan yang berulang dan kurang tepat.

### **Calon dalam Kumpulan Ketiga Tertinggi**

Jawapan calon agak kurang memuaskan dari segi fakta, huraian dan teknik. Jawapan yang diberikan adalah yang direka dan terpesong. Calon tidak dapat menguasai kertas ini dengan baik dan tidak mempunyai cukup persediaan.

### **Calon dalam Kumpulan Terendah**

Keseluruhan jawapan calon adalah lemah. Calon tidak dapat menguasai pelajaran ini dengan baik dan tidak memahami kehendak soalan. Jawapan yang dikemukakan jauh menyimpang dari soalan. Terdapat calon yang hanya menulis soalan sahaja. Kebanyakan calon tidak bersedia untuk menduduki kertas ini.

## **PRESTASI TERPERINCI BERDASARKAN SETIAP SOALAN**

### **Soalan 1 (a) (i)**

Prestasi calon sederhana kerana tidak menguasai fakta sebab nuzul dengan baik. Segelintir calon tidak dapat memberikan sebab nuzul yang tepat. Ada yang tidak mengingati nama penuh bagi anak angkat nabi.

### **Soalan 1 (a) (ii)**

Prestasi calon memuaskan. Terdapat calon mengulangi isi yang sama terutamanya mengenai hak warisan harta oleh anak kandung dan hak wasiat oleh anak angkat.

### **Soalan 1 (b) (i)**

Prestasi calon baik. Calon didapati hanya memberikan contoh dan syarat-syarat, bukannya definisi.

### **Soalan 1 (b) (ii)**

Prestasi calon memuaskan. Calon tidak memberi huraian tentang cara ulama mengistinbatkan hukum.

### **Soalan 1 (b) (iii)**

Prestasi calon sederhana. Sebahagian calon menghuraikan tentang syarat orang yang diniabahkan/digantikan, serta syarat wajib haji.

### **Soalan 2 (a) (i)**

Prestasi calon baik. Hanya sebahagian kecil yang tidak dapat memberikan pengertian yang tepat. Ada yang tidak memahami maksud sufaha.

**Soalan 2 (a) (ii)**

Prestasi calon memuaskan. Calon sering mengulangi isi tentang masa pemulangan harta kepada anak yatim.

**Soalan 2 (a) (iii)**

Prestasi calon sederhana. Ada calon yang memberikan sebab penyelewengan, bukannya kesan/implikasi.

**Soalan 2 (b) (i)**

Prestasi calon sederhana. Sebahagian calon menyatakan cara membunuh diri yang sama seperti dalam hadis sedangkan soalan menghendaki selain daripada itu.

**Soalan 2 (b) (ii)**

Prestasi calon lemah. Calon tidak dapat memberikan lafaz dengan tepat dan tidak dapat menerangkan cara istinbat hukum dengan baik.

**Soalan 3 (a) (i)**

Prestasi calon sederhana. Ramai calon menjawab tentang cara ulama istinbat hukum, bukannya sebab nuzul ayat.

**Soalan 3 (a) (ii)**

Prestasi calon baik. Calon tidak dapat memberikan alasan yang kuat untuk menangkis dakwaan.

**Soalan 3 (a) (iii)**

Prestasi calon lemah. Calon tidak dapat mengaitkan peranan qiyamullail dengan prestasi akademik calon.

**Soalan 3 (b) (i)**

Prestasi calon sederhana. Tidak dapat menjawab dengan baik kerana tidak memahami maksud hadis.

**Soalan 3 (b) (ii)**

Prestasi calon baik. Wujud pengulangan isi dan jawapan.

**Soalan 3 (b) (iii)**

Prestasi calon sederhana. Ada yang menjawab peranan pentadbir, bukannya peranan pemimpin calon.

**Soalan 4 (a) (i)**

Prestasi calon lemah. Tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Ada yang membuat huraian tentang maksud Iman.

**Soalan 4 (a) (ii)**

Prestasi calon memuaskan. Jawapan yang diberikan adalah terlalu umum, contohnya boleh masuk syurga.

**Soalan 4 (a) (iii)**

Prestasi calon sederhana. Jawapan yang berulang – perbuatan munkar/keji/tidak baik/yang dilarang.

**Soalan 4 (b) (i)**

Prestasi calon sederhana. Jawapan diberi bukan definisi tetapi mirip kepada konsep usaha dan tawakkal.

**Soalan 4 (b) (ii)**

Prestasi calon baik. Isi yang tidak jelas. Ada calon yang didapati mengulas kembali soalan.

**Soalan 4 (c)**

Prestasi calon sederhana. Calon cenderung menjawab sebab munculnya ilmu Usul al-Fiqh.

**Soalan 5 (a) (i)**

Prestasi calon sederhana. Ramai calon yang menerangkan tentang kewajipan yang dilakukan oleh jemaah haji.

**Soalan 5 (a) (ii)**

Prestasi calon lemah. Menerangkan apa yang patut dibuat semasa menunaikan haji dan cara mendapatkan haji mabrur, bukannya kebaikan selepas haji.

**Soalan 5 (a) (iii)**

Prestasi calon baik. Ramai yang memberi jawapan berkenaan fungsi Tabung Haji.

**Soalan 5 (b) (i)**

Prestasi calon memuaskan. Pengulangan isi yang ketara. Banyak jawapan diterima adalah aplikasi kepada masyarakat umum.

**Soalan 5 (b) (ii)**

Prestasi calon sederhana. Tidak memahami masalah dengan teliti sebelum menjatuhkan hukum. Calon salah anggap antara hukum talak dan hukum rujuk.

**Soalan 6 (a) (i)**

Prestasi calon memuaskan. Segelintir calon keliru dalam huraian takrif hukum taklifi.

**Soalan 6 (a) (ii)**

Prestasi calon sederhana. Tidak dapat memberikan nas/dalil yang dikehendaki. Ada calon yang hanya memberi contoh perkara yang diharamkan.

**Soalan 6 (b)**

Prestasi calon baik. Definisi tidak lengkap, ayat yang tidak jelas

**Soalan 6 (c)**

Prestasi calon lemah. Tidak dapat menyenaraikan rukun qias, sebaliknya memberi cara mengeluarkan qias.

**Soalan 6 (d)**

Prestasi calon memuaskan. Tidak memberi definisi hadis dengan tepat

**Soalan 7 (a) (i)**

Prestasi calon sederhana. Calon menerangkan tentang sistem muamalah yang ada, bukannya ciri-ciri muamalah tersebut. Ada pula yang keliru antara muamalat perniagaan dan muamalat pergaulan.

**Soalan 7 (a) (ii)**

Prestasi calon lemah. Pengulangan isi berdasarkan pernyataan yang diberi (berdikari dan berdaya saing).

**Soalan 7 (a) (iii)**

Prestasi calon memuaskan. Pengulangan soalan dalam jawapan. Contoh – sebab riba' haram dalam Islam.

**Soalan 7 (b) (i)**

Prestasi calon memuaskan. Terdapat calon yang keliru dengan pengertian istihsan

**Soalan 7 (b) (ii)**

Prestasi calon sederhana. Bagi yang tidak memahami maksudnya, maka tidak dapat memberikan contoh yang betul. Ada calon yang memberi contoh yang ada pada zaman nabi dan sahabat.

**Soalan 8 (a) (i)**

Prestasi calon lemah. Tidak dapat memberikan jawapan yang tepat – kes yang khusus untuk Mahkamah Syariah. Ramai calon memberi jawapan mencakupi bidang kuasa mahkamah sivil.

**Soalan 8 (a) (ii)**

Prestasi calon sederhana. Tidak dapat menghuraikan fungsi setiap mahkamah tersebut dengan jelas.

**Soalan 8 (a) (iii)**

Prestasi calon lemah. Calon tidak dapat menentukan cara yang betul untuk menyelesaikan kes tersebut. Terdapat calon yang memberi senarai tugas penguatkuasa.

**Soalan 8 (b) (i)**

Prestasi calon sederhana. Segelintir calon hanya menjawab sumber perundangannya hanyalah al-Quran.

**Soalan 8 (b) (ii)**

Prestasi calon lemah. Tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Tidak dapat membezakan antara sumber hukum dan ciri-ciri perundangan.

**SARANAN KEPADA CALON**

1. Fahami kehendak soalan sebelum menjawab. Ramai yang cuai ketika menjawab soalan tentang istinbat hukum.
2. Tingkatkan penguasaan dalam bahagian Usul Fiqh kerana ramai calon yang gagal mendapat markah yang baik di bahagian ini.
3. Beri penekanan terhadap soalan hukum dan alasan. Telitikan soalan sebelum menjawab untuk mengelakkan kehilangan markah.
4. Cuba menjawab lima soalan yang diwajibkan supaya mencapai markah lulus.
5. Tingkatkan penguasaan dalam tulisan jawi supaya mudah dibaca dan difahami oleh pemeriksa. Kesilapan ejaan dan kekaburan tulisan akan menjejaskan markah calon.
6. Jawab soalan mengikut turutan yang sepatutnya supaya tidak ada soalan yang tertinggal.
7. Elakkan daripada menjawab kesemua lapan soalan, sebaliknya beri tumpuan kepada lima soalan yang diwajibkan sahaja untuk mengelakkan pembaziran masa dan tenaga.
8. Membuat persediaan yang mencukupi sebelum menduduki peperiksaan dan menguasai tajuk-tajuk dengan baik.
9. Elakkan membuat soalan ramalan dan membaca tajuk tertentu dan meninggalkan tajuk yang lain.
10. Beri penumpuan sepenuhnya semasa menjawab soalan.

11. Semak jawapan yang telah dibuat agar tiada perkataan penting yang tertinggal yang boleh menjejaskan jawapan yang diberi.
12. Baca soalan berulang kali dan gariskan kehendak soalan untuk mengelakkan kekeliruan.
13. Jangan hanya menyalin soalan sahaja, cuba jawab setakat yang mampu.
14. Ikat kertas jawapan dengan kemas supaya tidak terurai.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Beri penekanan terhadap cara menjawab bagi soalan berkaitan dengan istinbat hukum, sebab, nuzul, ayat dan wurud hadith.
2. Penekanan yang lebih juga perlu diberikan terhadap bahagian Usul al-Fiqh.
3. Para calon perlu didedahkan dengan cara/teknik menjawab soalan dengan baik.
4. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), guru hendaklah sentiasa mengemukakan contoh soalan sebenar kepada calon supaya mereka dapat memahami kehendak soalan dan tahu cara menjawab yang betul.
5. Menekankan isu semasa dalam proses P&P dan mempelbagaikan Bahan Bantu Belajar (BBM) untuk membantu kefahaman calon.
6. Sentiasa mengenalpasti kelemahan calon terutama dalam topik tertentu melalui ujian topikal dan latih tubi yang diadakan.
7. Memberi peluang kepada calon untuk mengalami situasi sebenar, contohnya membuat lawatan ke mahkamah untuk mendengar kes yang dibicarakan.
8. Perbanyakkan latih tubi.
9. Meminta calon menyediakan nota ringkas.
10. Mengadakan sesi soal jawab sebelum proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bermula untuk memastikan calon membuat ulangkaji di rumah.